

KERATAN: Horian Ekspres

TARIKH: 12.08.2013
M/S: (9)

Mengenali asal usul Bobohizan

RE 21b(13/29)
MASYARAKAT Kadazandusun Murut (KDM) tidak mempunyai bahasa bertulis mereka sendiri. Cerita atau legenda mereka disampaikan secara lisan secara turun temurun. Mereka mempunyai cerita atau legenda mengenai diri mereka, dan dalam artikel ini saya mahu menulis tentang legenda *Bobohizan*. Kita baharu saja habis merayakan pesta Tadau Kaamatan yang amat berjaya dan menyaksikan *Bobohizan* dari Tampasuk melaksanakan upacara *Magavau*.

Bobohizan (dukun/pawang) adalah kumpulan atau institusi ketiga pentadbiran desa Kadazandusun pada zaman dahulu. Institusi pertama adalah sistem Orang Tua dan kedua adalah (Majlis) Penatua Kampung. Institusi keempat adalah institusi Huguan Siou yang dipercayai merupakan institusi terakhir diasaskan dan tersebar luas semasa pentadbiran Pangeran Brunei.

Tetapi legenda *Bobohizan* atau kumpulan agama bermula dengan "ibu" Kadazandusun Murut pertama yang dikenali sebagai *Suminundu*. Dia merupakan isteri *Kingaan*, neneh moyang pertama. *Kingaan* dan *Suminundu* keluar dari sebuah bongkah batu yang bergolek turun dari Nabahu dan berhenti di Tompios - dikenali sebagai Nunuk Ragang. Mereka berdua separa dewa dan mempunyai kuasa luar biasa.

Lama selepas pemergian mereka ke *Hibabou* (Syurga), doa atau mantera (Inaait atau *rinait* dalam bahasa KD) *Bobohizan* dilupai dan lenyap mengikut peredaran zaman.

Tetapi kemudiannya, *Suminundu* mengutus seseorang ke bumi untuk mengajar manusia mengenai *rinait* atau mantera *Bobohizan* itu. Mengikut cerita yang ditulis oleh Rev. Fr. Anthonissan, Rektor St. Michael's Church Penampang, semasa pemerintahan Kolonial, beliau mengumpulkan semua kisah yang diceritakan kepadanya oleh penatua Kadazan Penampang. Salah satu cerita ini mengisahkan satu semangat yang diutus dari *Hibabou* ke bumi. Semangat itu



datang setiap malam dan memanggil semua yang boleh mendengar untuk tampil. Panggilan ini diulangi selama beberapa bulan dan kemudian bertahun-tahun tetapi tidak seorang pun yang tampil untuk bertemu semangat itu, sehingga seorang wanita berani keluar untuk bertemu dengan semangat itu dalam gelap. Semangat itu memberitahu wanita itu bahawa ia diutus ke bumi dari *Hibabou* untuk mengajar kaum Kadazan tentang *rinait* Bobohizan pada masa lalu. Semangat itu memberitahu wanita itu bahawa dia perlu datang dan bertemu dengannya setiap malam di tempat yang sama sehingga wanita itu mempelajari *rinait* tersebut. Demikianlah, doa *rinait* dipelajari dengan menghafal oleh seorang wanita yang sebaliknya mengajar *rinait* itu kepada wanita lain di kampung tersebut. Mengikut legenda, oleh kerana seorang wanita yang datang bertemu dengan guru semangat itu, semua *Bobohizan* di Penampang hanya wanita sahaja.

Selepas satu tempoh masa, apabila penduduk di daerah itu bertambah ramai, tradisi *rinait* dijadikan dua tradisi. Pertama dikenali sebagai tradisi Kadazan sementara yang kedua adalah tradisi Tangaah. *Rinait* dalam kedua-dua tradisi adalah sama termasuk tatacara yang harus diikuti, tetapi apa yang membezakannya adalah jenis pakaian yang mereka gunakan. Dikatakan bahawa kedua-dua tradisi Kadazan dan tradisi Tangaah menceritakan penciptaan dunia sebagai sebahagian *rinait* mereka, cuma perbezaannya adalah jenis sampan atau perahu

yang mereka gunakan apabila membawa roh orang mati menyebangi sungai untuk sampai ke *Hibabou*. Roh orang mati namapnya melalui tujuh bukit, lembah dan sungai sebelum sampai ke *Hibabou*. Tradisi Kadazan dinamakan demikian kerana tradisi itu menggunakan istilah Kadazan dalam *rinait*nya.

Dan Kadazan bermakna "masyarakat" dan istilah itu digunakan semasa zaman *Kingaan* dan *Suminundu* di Nunuk Ragang.

Sementara itu, walaupun tradisi Tangaah menggunakan bahasa yang sama, merujuk kepada *rinait* tradisi Tangaah iaitu suku Tangaah dari Penampang.

Pakaian *Bobohizan* serta peralatan yang digunakan semasa upacara diwariskan kepada mereka daripada neneh moyang yang datang dari Taiwan dan ke Filipina. Berdasarkan ujian saintifik terhadap asal usul kaum Kadazandusun, pakaian mereka,



BOBOHIZAN dari tradisi Kadazan (kiri) dan tradisi Tangaah (kanan).

khasnya *Bobohizan* Kadazandusun serta barang kemas yang mereka gunakan berasal daripada satu kaum yang dikenali sebagai Inggorot di Filipina.

Asal usul suku ini adalah dari selatan China. Teori saintifik mengenai asal usul KDM ini dikenali sebagai "teori gelombang", kerana mereka mengembara menyebarni lautan.

Terdapat banyak adat dan tradisi berkaitan pakaian dan peralatan termasuk pedang, daun kombuongoh dan hiasan kepala yang dipakai oleh *Bobohizan*.

Menyentuh peralatan *Bobohizan* khasnya hiasan kepala dilarang sama sekali dan hanya *Bobohizan* dibenarkan menyentuh peralatan itu, khasnya hiasan kepala. Sebelum ia dipakai dalam satu upacara, satu *rinate* khas dijalankan untuk memuaskan semangat.

Dahulu, kumpulan agama yang baru tiba termasuk paderi

Kristian menganggap upacara yang dijalankan oleh *Bobohizan* semasa pesta menuai (*moginakan*), menanam, dan juga semasa waktu terdapat orang sakit di kampung dan *Bobohizan* dipanggil untuk menjalankan upacara untuk membantu orang sakit itu untuk sembuh cepat daripada pengaruh semangat jahat, sebagai pekerjaan setan. Namun apabila agama Kristian bertapak dengan kukuh di Penampang selepas satu tempoh yang lama, saya masih ingat replika hiasan kepala yang dipakai oleh *Bobohizan* digunakan semasa Perayaan Corpus Christi (dalam Bahasa Kadazan dikenali sebagai *Mamanau Kampung*). Ia dipanggil begitu kerana perarakan yang dibuat mengelilingi kampung.

Perarakan bermula dari gereja dan mengelilingi kampung dengan paderi berjalan di bawah kanopi yang dibuat khas.

Kanopi itu mempunyai empat

tiang dan empat lelaki kuat mengiringi kanopi itu. Mengiringi paderi itu pula adalah budak lelaki dan perempuan yang berpakaian seragam.

Sekumpulan budak lelaki dengan pakaian Kadazan mendahului kanopi itu dan di hadapan barisan perarakan itu adalah empat wanita dengan pakaian Kadazan lengkap dengan replika hiasan kepala *Bobohizan*. Larangan menyentuh hiasan kepala *Bobohizan* nam-paknya sudah dilupai. Saya bertanya kepada mereka tentang itu dan dimaklumkan bahawa replika hiasan kepala dibenarkan dipakai oleh golongan bukan *Bobohizan* dengan kebenaran *Bobohizan* sendiri. Mungkin penje-lasan lebih meyakinkan adalah kebanyakan Kadazan di Penampang telah memeluk agama Kristian, malah ramai *Bobohizan* juga memeluk agama Kristian.

Hari ini, budak lelaki dan perempuan yang membuat persembahan pada Pesta Kaamatan di KDCA dilihat menggunakan replika hiasan kepala *Bobohizan*. Sesetengah penatau KDM mempersoalkan tindakan tidak menghiraukan dan tidak menghormati adat dan kepercayaan KDM yang sudah lama berhubung peralatan dan hiasan kepala *Bobohizan* pada majlis awam.

Tetapi saya diberitahu bahawa tidak ada niat untuk tidak menghina adat tradisi.

Tujuannya adalah untuk memperlihatkan pakaian tradisi KDM sementara lebih ramai pelawat dari luar negara turut mengunjungi majlis awam ini.

Setiap daerah mempunyai upacara *Magavau Bobohizan* tersendiri. Tetapi intipati upacara *Magavau* ini dikongsi bersama oleh semua suku – sama ada tra-disi *Magavau* itu dijalankan oleh *Bobohizan* dari Tampasuk, Kota Belud, Tuaran, Matunggong, Papar atau Penampang – dan ia adalah panggilan untuk *Bambaazon*, semangat *Huminodun* yang menjadi semangat padi untuk datang dan mengambil bahagian dalam kemeriahan itu.